

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94**

Oktober/November 1993

PLG 418 : Kaedah Mengajar Kesusasteraan II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan semuanya: SATU soalan daripada setiap bahagian.

BAHAGIAN A

- 1. [a] Sediakan rancangan pengajaran mingguan Kesusasteraan Melayu tingkatan Enam untuk satu minggu.**

[14 markah]

- [b] Nyatakan secara ringkas lima daripada kemahiran berfikir (ORT Thinking Tools) yang dikemukakan oleh Dr. Edward De Bono dan huraikan dengan contoh-contoh yang jelas bagaimana anda dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran ini dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan Enam.**

[20 markah]

- 2. [a] Nyatakan sepuluh pendekatan yang digunakan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu.**

[10 markah]

- [b] Huraikan dengan terperinci tiga daripada pendekatan tersebut dan jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.**

[24 markah]

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN B

3. [a] Senaraikan unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam teks Sejarah Melayu.

[15 markah]

- [b] Nyatakan aktiviti-aktiviti pengajaran pembelajaran yang sesuai untuk pelajar-pelajar Tingkatan Enam semasa anda mengajar tajuk ini.

[18 markah]

4. [a] Nyatakan secara ringkas unsur-unsur pathos dalam teks Hikayat Hang Tuah.

[15 markah]

- [b] Sarankan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai untuk pelajar-pelajar tingkatan Enam semasa anda mengajar tajuk ini.

[18 markah]

BAHAGIAN C

5. [a] Huraikan mesej yang ingin dikemukakan oleh Abdul Muis di dalam novel Salah Asuhan.

[15 markah]

- [b] Jelaskan secara ringkas langkah-langkah penyampaian dan alat bantu mengajar yang dapat menarik perhatian pelajar-pelajar terhadap pelajaran ini.

[18 markah]

...3/-

- 3 -

6. [a] Bincangkan unsur-unsur kemasyarakatan yang dikemukakan oleh Shannon Ahmad dalam antologi cerpen Debu Merah. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

[15 markah]

- [b] Sarankan set induksi yang sesuai dan menarik bagi lima daripada cerpen tersebut.

[18 markah]

7. [a] Bincangkan pemikiran yang ingin dikemukakan oleh penyair dalam puisi di Lampiran A.

[5 markah]

- [b] Bincangkan unsur-unsur bahasa puisi tersebut.

[10 markah]

- [c] Jelaskan secara ringkas langkah-langkah pengajaran dan alat bantu mengajar yang anda akan gunakan agar pengajaran anda menarik dan berkesan.

[18 markah]

...4/-

[LAMPIRAN A]

PENJUAL PISANG DI KAKI LIMA
(Kepada Ibu Tua Tionghua)

LALU gadis Tionghua ceongsam biru,
Pemuda di belakang bergegas melesetkan ujung sepatu,
Penjual pisang tercatuk di kaki lima,
Dua bakul pisang terletak antaranya,
(Melihat sepatu dan betis yang lalu,
dengan jemu bas kutunggu).

Datang sebuah bas penuh isi,
(Aku tak boleh naik lagi)
Sebuah kereta menjalar tuan tersandar,
Penjual pisang di kaki lima,
Baru laku sepuluh sen cuma,
(Penarik beca kulihat membelinya).

Matahari tersangkut di bumbung bangunan,
Di seberang ada restoran sedang ternganga.

Berat-berat langkah pengawal jalan bertapak,
Hati penjual pisang sesak berkocak.

'He, mana lesen?
Tutup kaki lima, ha?'

Manakah rasa yang dapat merasa,
Manusia hidup sesamanya, memburu apa?

Ah, bakul pisang sudah diregang,
Ibu tua Tionghua berbaju ungu menyerah salah,
(Pasti anak-anak menanti di rumah)
Dalam lori terkepung pengawal, matanya berlinang!
Baspun lalu dan kamipun memburu.

(Usman Awang)

1958.

- oooOooo -